
Kepada : Seperti di bawah

Daripada : Pengetua Maktab Rendah Sains MARA Taiping

Salinan Kepada :

Rujuk Kami	Tarikh	Rujuk Tuan	Tarikh
	3 Julai 2019		

Pengetua Maktab Rendah Sains MARA

Kuala Krai, Jeli, Tumpat, Pasir Tumboh, Kuala Terengganu, Kuala Berang, Kota Putra, Ketengah, Beseri, Arau, PDRM Kulim, Langkawi, Pendang, Kubang Pasu, Merbok, Baling, Balik Pulau, Transkrian, Kepala Batas, Taiping, Gerik, Lenggong, Pasir Salak, Felda Trolak, Pengkalan Hulu, Pengkalan Chepa, Parit, Sultan Azlan Shah, Kuala Kubu Baru, Sungai Besar, Kuala Kelawang, Serting, Gemencheh, Tun Ghafar Baba, Terendak, Alor Gajah, Muar, Mersing, Tun Dr Ismail, Batu Pahat, Johor Bharu, Kuantan, Muadzam Shah, Tun Ghazali Shafie, Bentong, Tun Abdul Razak, Kota Kinabalu, Sandakan

JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN FESTIVAL MUZIK TRADISIONAL MRSM SE-MALAYSIA (FESMA) KALI KE-8 2019.

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa MRSM Taiping telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Pertandingan Festival Muzik Tradisional MRSM Se-Malaysia (FESMA) Kali Ke-8 yang akan berlangsung pada 01 hingga 04 Ogos 2019.

3. Sehubungan dengan itu, maktab tuan/puan telah dijemput menyertai pertandingan ini. Pihak tuan/puan dikehendaki untuk memuat turun semua maklumat berikut menerusi laman sesawang <https://taiping.mrsm.edu.my>:

- 3.1 Peraturan dan syarat-syarat pertandingan
- 3.2 Borang pendaftaran peserta
- 3.3 Jadual pertandingan

4. Sebarang pertanyaan berkaitan pertandingan ini boleh berhubung terus dengan **Penyelaras Pertandingan FESMA 2019 Pn Haleeza bt Halil – 012-5800450**.

Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan/puan amatlah dihargai

Sekian, terima kasih.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA,
'Membandarkan Luar Bandar'**

Saya yang menjalankan amanah,



NORIBA BT AHMAD

Timbalan Pengetua Kecemerlangan Akademik
b.p. Pengetua
Maktab Rendah Sains MARA
Taiping, Perak.

MAKTAB RENDAH SAINS MARA TAIPING
MAKLUMAT PERTANDINGAN FESTIVAL MUZIK TRADISIONAL
MRSM SE-MALAYSIA (FESMA)
KALI KE 8, 2019

TARIKH: 1 – 4 OGOS 2019

1. TEMA

‘Seni Irama Warisan Tradisi’

2. LAMAN WEB RASMI FESMA 2019

Semua maklumat yang terkini boleh dirujuk pada laman web rasmi Fesma 2019 iaitu <http://fesma.weebly.com>

3. PENYERTAAN PESERTA

Setiap maktab hanya dibenarkan membawa 15 orang pelajar.

4. ACARA DAN JADUAL PERTANDINGAN

4.1 Kategori yang dipertandingkan adalah:

- Gamelan
- Caklempong
- Ensembl Tradisional Lain Lain
-

5. PENGHAKIMAN

5.1 Hakim-hakim acara pertandingan terdiri daripada Hakim Jemputan.

5.2 Semua keputusan hakim adalah muktamad.

6. PENGINAPAN

6.1 Para peserta akan ditempatkan di Asrama Putera dan Asrama Puteri MRSM Taiping, Kompleks Rakan Muda Kamunting dan Kolej Telekom Taiping. Para peserta juga dikehendaki membawa cadar, selimut, bantal dan keperluan peribadi masing- masing. Pelajar tidak dibenarkan membawa barang-barang terlarang dalam peraturan MRSM dan sekiranya berlaku kecurian/kehilangan, pihak MRSM Taiping tidak akan bertanggungjawab.

6.2 Penginapan guru pengiring dan pemandu tidak disediakan.

6.3 Kelayakan tuntutan perjalanan adalah seperti peraturan dalam surat Pekeliling Kewangan Bil. 1/2006.

7. MAKANAN

7.1 Makanan guru pengiring dan pemandu tidak disediakan.

8. ETIKA BERPAKAIAN

8.1 Semua peserta hendaklah berpakaian smart casual dan berkasut hitam sepanjang program berlangsung. Pemakaian sandal tidak dibenarkan sama sekali sama ada siang atau malam kecuali di dalam asrama.

8.2 Guru pengiring hendaklah berpakaian smart casual sepanjang program.

8.3 Majlis Perasmian Penutup:

Pelajar : Kostium persembahan masing-masing

Guru: Baju Batik

9. PERATURAN DAN TATATERTIB DI ASRAMA

Semua pelajar adalah tertakluk pada peraturan asrama MRSM Taiping.

10. MAKLUMAT PERJALANAN

- 10.1 Semua kontinjen dikehendaki menggunakan perjalanan mengikut budi bicara Pengawal Pusat masing-masing.
- 10.2 Bagi MRSM Sandakan (TMFS) dan MRSM Kota Kinabalu, sila maklumkan perjalanan kepada pihak tuan rumah bagi kelancaran persediaan penginaapan dan makan minum para peserta.

11. TAG NAMA

- 11.1 Tag nama peserta dan guru pengiring hendaklah diuruskan sendiri oleh maktab masing-masing. Softcopy rekabentuk tag nama boleh didapati melalui laman web rasmi FESMA 2019.
- 11.2 Sepanjang FESMA 2019, para peserta dan guru pengiring dikehendaki memakai tag nama tersebut. Guru pengiring perlu menggunakan tag nama sebagai pas masuk dan keluar sekiranya menggunakan kenderaan sendiri.

12. MAKLUMAT PERTANDINGAN

Sila layari laman web rasmi FESMA 2019 dari semasa ke semasa untuk sebarang maklumat terkini berkaitan dengan pertandingan FESMA 2019.

13. PENGAWASAN

Sepanjang tempoh pertandingan ini berlangsung, semua peserta dan guru pengiring adalah di bawah pengawasan Pengetua MRSM Taiping dan tertakluk kepada peraturan tatatertib yang ditetapkan oleh MARA.

14. MAKLUMAT LANJUT DAN PERTANYAAN

Untuk pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah menghubungi :-

1. Puan Marsuria binti Darus - 0125472934
2. Puan Haleezaa binti Halil - 0125800450
3. Encik Mohd Saifudin bin Abdullah (JK Penempatan) - 0179821987
4. Encik Wan Khairul Nizam bin Wan Khalid (JK Pengangkutan) - 0132572923

Sila layari laman web <https://taiping.mrsm.edu.my> untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan pertandingan FESMA 2019 MRSM Se-Malaysia kali ke 8 2019.

Sekian.